



---

## **FACT SHEET MAJLIS PELANCARAN SEDEKAD SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (SPBT)**

### **“BENIH BERKUALITI ASAS SEKURITI MAKANAN NEGARA”**

Buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman ladang adalah komoditi tanaman makanan utama dalam sektor agromakanan. Pengeluaran hasil tanaman yang tinggi bergantung kepada benih tanaman yang tulen dan bermutu. Justeru itu Jabatan Pertanian telah diberi tanggungjawab oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk mengawal selia pengeluaran bahan tanaman tulen dan berkualiti dalam negara melalui pelaksanaan Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) dan Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP).

Fokus utama Dasar Agromakanan Negara, 2021-2030 (DAN 2.0) adalah untuk mempertingkatkan produktiviti dan pendapatan serta kualiti hidup di kalangan pengeluar sektor makanan. Strategi pemodenan dan pertanian pintar merupakan pemacu perubahan utama dalam menjayakan transformasi sektor agromakanan negara di bawah dasar ini. Agenda utama kerajaan dalam memberi jaminan terhadap sekuriti bekalan makanan negara bagi memastikan bekalan makanan bukan sahaja mencukupi tetapi menjamin kelangsungan bekalan makanan yang berterusan dalam apa jua keadaan bagi kesejahteraan Keluarga Malaysia

Pengeluaran bahan tanaman yang tulen, berkualiti dan bebas penyakit memberi impak kepada kesejahteraan dan kesihatan rakyat. Kerajaan sentiasa memberikan fokus kepada sekuriti makanan negara dengan memberi tumpuan kepada pengeluaran bahan tanaman tulen dan berkualiti dalam negara melalui pematuhan prosedur pengeluaran bahan tanaman dan pencapaian standard yang ditetapkan. Bahan tanaman yang tidak tulen dan tidak berkualiti akan merugikan petani kerana hasil diperolehi selepas bertanam adalah tidak seperti yang diharapkan.

Sekiranya tidak berhati-hati, benih tanaman yang dibeli pada mulanya disangkakan Durian “*Musang King*” yang berisi kuning dan tebal mungkin mengeluarkan buah durian lain yang berisi putih dan nipis serta tidak berkualiti. Oleh itu, pembeli perlu bijak membuat pilihan dengan membeli anak benih tanaman yang dijamin kualitinya daripada nurseri tanaman yang menyertai Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) Jabatan Pertanian.

Pelaksanaan SPBT Jabatan Pertanian adalah satu langkah jangka pendek bagi menangani dan memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan kualiti dan ketulenan bahan tanaman manakala pengawalan secara regulatori dengan membangunkan Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman adalah strategi jangka panjang Jabatan Pertanian. Pelaksanaan dua strategi ini secara tidak langsung menunjukkan betapa pentingnya kualiti dan ketulenan benih tanaman. Pengesahan bahan tanaman merupakan langkah kawalan kualiti terhadap pengeluaran, pendedaran, pembekalan dan penjualan anak benih. Ia dinilai dari segi ketulenan baka, fizikal dan tahap kesihatan di mana ia bebas daripada penyakit serta tahap kecergasan dan keupayaan percambahan yang tinggi.

Dalam tempoh lebih sedekad skim ini dilaksanakan, seramai 111 orang pegawai yang telah dilatih dan dilantik sebagai pegawai pemeriksa yang kompeten. Sebanyak 25 jenis tanaman mencakupi 104 varieti yang disyorkan sebagai tanaman komersil telah disenaraikan di dalam Senarai Varieti Tanaman. Kini, SPBT mempunyai seramai 228 orang pengeluar yang telah berdaftar sebagai peserta skim dan sebanyak 63.3 juta pokok induk dan 63.6 juta bahan tanaman telah disahkan.

SPBT telah mencirikan sebanyak 104 varieti tanaman yang terbahagi kepada tiga kategori iaitu (i) kategori buah-buahan: durian, nangka, cempedak, belimbing, jambu batu, nanas, pisang, betik, rambutan, mangga, ciku, longan, limau bali, jambu air, manggis, dokong, buku, limau mandarin, kopi; (ii) kategori kelapa: kelapa *Malayan Red Dwarf* (MRD), *Malayan Yellow Dwarf* (MYD), Matag, Pandan, Tacunan, Sungai Gulang-Gulang (SGG); (iii) kategori herba: kacip fatimah, dukung anak, mas cotek, misai kucing dan roselle (seperti Lampiran 1).

## **Penyertaan/Permohonan SPBT**

Penyertaan secara sukarela tanpa sebarang bayaran serta terbuka kepada semua pengusaha nurseri tanaman seluruh Malaysia. Ia membabitkan dua (2) peringkat permohonan iaitu permohonan sebagai peserta skim dan permohonan pengesahan pokok induk dan bahan tanaman.

Hanya tanaman yang tersenarai dalam Senarai Varieti Tanaman untuk Pengesahan SPBT boleh dipohon oleh peserta skim untuk diperakukan. Pemilihan tanaman berdasarkan varieti tanaman yang popular ditanam dan dikeluarkan oleh nurseri di seluruh Malaysia.

## **Kepentingan SPBT**

- Mengawal pengeluaran pembekal, pengedaran dan jualan bahan tanaman agar kualiti lebih terjamin.
- Memastikan kedapatan bahan tanaman berkualiti daripada varieti *superior*.
- Mengurangkan berlakunya kerosakan pokok akibat serangan penyakit dan dapat menghalang penyakit itu daripada merebak yang disebabkan oleh bahan tanaman yang tidak berkualiti.
- Menggalakkan pengeluar bahan tanaman mengeluarkan bahan tanaman berkualiti "true to type".

## **Faedah SPBT**

- Tingkatkan keyakinan pengguna terhadap ketulenan pelbagai tanaman.
- Peserta skim sentiasa menerima khidmat nasihat dan bimbingan daripada Jabatan Pertanian.
- Peserta skim berpeluang menjadi pembekal bahan tanaman untuk projek pertanian di agensi kerajaan yang mensyaratkan pengesahan bahan tanaman.

## **Syarat Permohonan**

- Pemohon mestilah dari kalangan pengeluar/pengusaha bahan tanaman dari agensi kerajaan mahupun swasta dengan mengisi borang Permohonan Peserta Skim Pengesahan Bahan Tanaman (Borang ABK 1)

- Pemohon yang ingin memohon pengesahan bahan tanaman mestilah mendapatkan sumber bahan tanaman (sion) daripada pokok mata tunas yang disahkan Jabatan Pertanian
- Pemohon akan diberikan Nombor Peserta Skim setelah diluluskan

Sejak SPBT dibangunkan sehingga Mei 2022, Jabatan Pertanian telah memperakukan 63.6 juta bahan tanaman dan 63.3 juta pokok induk terdiri daripada cempedak, ciku, durian, kelapa, longan, mangga, manggis, nanas, nangka, pisang dan rambutan melibatkan 224 pengeluar atau pengusaha yang berdaftar sebagai peserta SPBT.

### **PENUBUHAN JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (JKTEK PBT)**

Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Pengesahan Bahan Tanaman telah ditubuhkan pada tahun 2017 berikutan teguran yang diterima semasa Mesyuarat Integriti dan Tadbir Urus Tahun Bil. 3/2016 bagi mengelak ketidaktelusan penilaian dan kelulusan perakuan ketulenan bahan tanaman dan pokok induk.

Jawatankuasa ini mempunyai keahlian tetap daripada agensi-agensi di bawah MAFI seperti MARDI, MAQIS, Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Pertanian Sabah, Jabatan Pertanian Sarawak dan pakar-pakar penasihat teknikal serta pertubuhan bukan kerajaan *National Seed Association Malaysia* (NSAM). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia dan bersidang sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun atau berdasarkan keperluan semasa. Terma Rujukan JKTEK ini adalah seperti lampiran 2.

### **PEWUJUDAN LOGO SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN**

Program pada hari ini adalah selari dengan kematangan penubuhan Skim Pengesahan Bahan Tanaman. Jabatan Pertanian mengambil inisiatif dengan memperkenalkan logo SPBT (rujuk Rajah 1) bagi merancakkan lagi promosi serta pemahaman petani, pengeluar, dan orang awam terhadap kepentingan mengikuti skim ini.

Dengan adanya logo SPBT, ia dapat menaikkan pandangan atau mengekalkan ingatan berkaitan benih tulen dan berkualiti kepada orang awam. Ia juga memberi identiti yang meyakinkan kepada pengeluar yang mengeluarkan bahan tanaman tulen dan berkualiti dan kepada pelanggan yang ingin membeli bahan tanaman tersebut.



Rajah 1: Logo Skim Pengesahan Bahan Tanaman

Penciptaan logo SPBT berkonsepkan benih yang merupakan asas bagi kehidupan. Apabila menceritakan asas kehidupan maka keberadaan benih adalah penting dulu kini dan selamanya. Tanpa benih, sekuriti makanan negara akan terjejas atau rakyat Malaysia tidak dapat menikmati kepelbagaian makanan (sayur-sayuran, buah-buahan atau tanaman lain) dengan harga yang minimum. Oleh itu, dengan memperkenalkan logo SPBT dapat memudahkan orang awam mengenali SPBT, menarik minat dan juga meningkatkan tahap kesedaran masyarakat mengenai SPBT.

## **PROGRAM SEDEKAD SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN**

Jabatan Pertanian mengambil peluang untuk mewarwarkan lagi skim ini dengan menganjurkan Program Sedekad Skim Pengesahan Bahan Tanaman pada 7 Ogos 2022 yang diadakan di MAEPS, Serdang bersempena *Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show (MAHA) 2022* yang dirasmikan oleh YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

Program Sedekad Skim Pengesahan Bahan Tanaman Jabatan Pertanian ini melibatkan peserta skim, pemain industri, pegawai-pegawai pemeriksa dan pengunjung MAHA yang dianggarkan seramai 500,000 orang. Pengisian Program Pelancaran Sedekad Skim Pengesahan Bahan Tanaman memaparkan tayangan montaj dengan penceritaan perjalanan skim ini sejak 10 tahun dahulu dan memberi penghargaan kepada rakan strategik

SPBT, wakil pegawai pemeriksa dan wakil pengusaha yang terdiri peserta skim mengikut kriteria – kriteria yang telah ditetapkan. Antara penerima anugerah tersebut adalah seperti berikut:

No	Kategori	Penerima Anugerah
1	Penghargaan Rakan Strategik	i. Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) ii. Jabatan Pertanian Sabah iii. Jabatan Pertanian Sarawak
2	Pegawai Pemeriksa Paling Aktif	Norsiah binti Misman, IPRS Pontian
3	Peserta Skim Pengesahan Bahan Tanaman Paling Aktif bagi Kategori <b>Pokok Induk</b> (Komoditi Nanas)	Aqina Fruits Sdn Bhd, Pontian, Johor
4	Peserta Skim Pengesahan Bahan Tanaman Paling Aktif bagi Kategori <b>Pokok Induk</b> (Komoditi Kelapa)	FGV Agri Services Sdn Bhd, Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak, Jengka, Pahang
5	Peserta Skim Pengesahan Bahan Tanaman Paling Aktif bagi Kategori <b>Pokok Induk</b> (Komoditi Buah-Buahan)	Haron Arasid Bin Abu Bakar, Kampung Baharu, Jerantut, Pahang.
6	Peserta Skim Pengesahan Bahan Tanaman Paling Aktif bagi Kategori <b>Bahan Tanaman</b> (Komoditi Nanas)	Lembah Matanaga Sdn Bhd, Projek Pertanian Moden, Ayer Hitam, Johor
7	Peserta Skim Pengesahan Bahan Tanaman Paling Aktif bagi <b>Kategori Bahan Tanaman</b> (Komoditi Kelapa)	Pertubuhan Peladang Negeri Johor, Segamat, Johor
8	Peserta Skim Pengesahan Bahan Tanaman Paling Aktif bagi <b>Kategori Bahan Tanaman</b> (Komoditi Buah-Buahan)	Long You Nursery, Muar, Johor

Tandatanganan Mockup Skim Pengesahan Bahan Tanaman dan penyerahan 2 buah buku Senarai Daftar Varieti Tanaman Jabatan Pertanian dan Pencirian Varieti Durian Popular di Malaysia kepada YB Menteri MAFI adalah gimik bagi perasmian program ini.

## **HARAPAN MASA HADAPAN**

Selari dengan tema Benih, Asas Sekuriti Makanan Negara, Jabatan Pertanian Malaysia sentiasa menitikberatkan benih tulen, berkualiti dan bebas penyakit bagi menjamin bekalan makanan mencukupi untuk keperluan dalam negara. Oleh itu, dengan pelaksanaan Skim Pengesahan Bahan Tanaman, Jabatan Pertanian akan menjadi tunjung bagi menyokong pengeluaran benih yang tulen dan berkualiti serta bebas penyakit. Benih yang tulen dan berkualiti dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani sejurus menyumbang kepada ekonomi negara. Diharapkan kepada pengusaha, petani, pengeluar dan masyarakat dapat terus memperkasakan penggunaan benih yang tulen dan berkualiti yang disahkan oleh Jabatan Pertanian bagi menjamin pengeluaran hasil tanaman yang bermutu tinggi.

Maklumat lanjut berkaitan SPBT boleh didapati melalui laman sesawang rasmi di Jabatan Pertanian di <http://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/399> atau berhubung terus dengan Urusetia SPBT di alamat berikut:-

Urus Setia,  
Skim Pengesahan Bahan Tanaman,  
Bahagian Kawalan Kualiti Tanaman,  
Jabatan Pertanian,  
Aras 7, No. 30, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62624 Putrajaya.

**Disediakan oleh;**  
**Jabatan Pertanian Malaysia**  
**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)**

## SENARAI VARIETI TANAMAN UNTUK PENGESAHAN SPBT

### 1.1 Jenis Tanaman : Durian (*Durio zibethinus* L.)

Bil	No. Pendaftaran	Nama Varieti
Varieti		
1	D24	-
2	D99	Kop Kecil
3	D123	Chanee
4	D145	Beserah
5	D158	Kan Yau
6	D159	Mon Thong
7	D160	Buluh Bawah
8	D168	Mas Hjh. Hasmah
9	D169	Tok Litok
10	D175	Udang Merah
11	D188	MDUR 78
12	D189	MDUR 79
13	D190	MDUR 88
14	D197	Raja Kunyit
15	D200	Ochee

### 1.2 Jenis Tanaman : Nangka (*Artocarpus heterophyllus* L.)

Bil	No. Pendaftaran	Nama Varieti
Varieti		
16	J29	J 29
17	J31	NS1



18	J32	Mantin
19	J33	Tekam Yellow
20	J37	Mastura
21	J40	CJ3

### 1.3 Jenis Tanaman : Belimbing (*Averrhoa carambola* L.)

Bil	No. Pendaftaran	Nama Varieti
		Varieti
22	B2	MAHA 66
23	B10	-
24	B17	Belimbing Madu

### 1.4 Jenis Tanaman: Jambu Batu (*Psidium guajava* L.)

Bil	No. Pendaftaran	Nama Varieti
		Varieti
25	GU8	Kampuchea
26	GU15	Jade Seedless
27	GU16	Lo Han

### 1.5 Jenis Tanaman : Pisang (*Musa* spp)

Bil	No. Pendaftaran	Nama Varieti
		Varieti
28	MP4	Berangan
29	MP14	Cavendish (William)

### 1.6 Jenis Tanaman : Nanas (*Ananas Cosmosus* (L.) Merr.)

<b>Bil</b>	<b>No. Pendaftaran</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Varieti</b>	
30	AC1	Moris
31	AC2	Sarawak
32	AC3	Gandol
33	AC4	Maspine
34	AC5	Josapine
35	AC6	Yankee
36	AC7	Moris Gajah
37	AC8	N 36
38	AC9	MD2
39	AC11	Madu Kaca
40		Cobek

### 1.7 Jenis Tanaman : Betik (*Carica papaya* L.)

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
40	CP1	Eksotika
41	CP2	Eksotika II
42	CP3	Sekaki

**1.8 Jenis Tanaman : Rambutan (*Nephelium lappaceum* L.)**

<b>Bil</b>	<b>No. Pendaftaran</b>	<b>Nama Varieti</b>
43	R156	Muar Gading
44	R191	Anak Sekolah
45	R193	Deli Baling

**1.9 Jenis Tanaman : Mangga (*Mangifera indica* L.)**

<b>Bil</b>	<b>No. Pendaftaran</b>	<b>Nama Varieti</b>
46	MA128	Harumanis
47	MA223	Nam Dok Mai Line 4
48	MA224	Chok Anan

**1.10 Jenis Tanaman : Ciku (*Achras sapota*)**

<b>Bil</b>	<b>No. Pendaftaran</b>	<b>Nama Varieti</b>
49	C62	Jantung
50	C63	Subang
51	C64	Mega

**1.11 Jenis Tanaman : Cempedak (*Artocarpus champeden*)**

<b>Bil</b>	<b>No. Pendaftaran</b>	<b>Nama Varieti</b>
52	CH28	-
53	CH30	Kuang 5

54	CH33	Chin
55	CH38	Cempedak Durian

#### 1.12 Jenis Tanaman : Longan (*Dimocarpus longan* L.)

Bil	No. Pendaftaran Varieti	Nama Varieti
56	-	Edaw
57	-	Berlian
58	-	Ping Pong

#### 1.13 Jenis Tanaman : Limau Bali (*Citrus maxima* L.)

Bil	No. Pendaftaran Varieti	Nama Varieti
59	PO51	Shating
60	PO52	Tambun
61	PO56	Melomas

#### 1.14 Jenis Tanaman: Jambu Air (*Eugenia aquea*)

Bil	No. Pendaftaran Varieti	Nama Varieti
62	-	Taiwan
63	-	Thai King
64	E3	Kristal Madu
65	E5	Jambu Air Epal

### 1.15 Jenis Tanaman: Kelapa (*Cocos nucifera*)

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
66	CN4	Malayan Red Dwaft
67	CN5	Malayan Yellow Dwaft
68	CN6	Pandan
69	CN13	Matag Green
70	CN14	Matag Orange
71	CN15	Matag Gold

### 1.16 Jenis Tanaman : Mas Cotek (*Ficus deltoidea*)

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
72	-	MFD 1
73	-	MFD 4
74	-	MFD 6
75	-	MFD 19

### 1.17 Jenis Tanaman: Kacip Fatimah (*Labisa pumila*)

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
76	-	Pumila Hijau
77	-	Pumila Merah
78	-	Alata

**1.18 Jenis Tanaman: Dukung Anak (*Phyllanthus sp.*)**

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
79	-	<i>Phyllanthus niruri</i>
80	-	<i>Phyllanthus debelis</i>
81	-	<i>Phyllanthus urinaria</i>

**1.19 Jenis Tanaman : Misai Kucing (*Orthosiphon stamineus*)**

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
82	-	Bunga Putih
83	-	Bunga Ungu

**1.20 Jenis Tanaman : Rossele (*Hisbiscuss sabdariffa L.*)**

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
84	-	UMKL-1
85	-	Arab

**1.21 Jenis Tanaman : Manggis (*Garcinia mangostana*)**

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
86	-	Manggis Tempatan
87	GA2	Mesta

**1.22 Jenis Tanaman : Dokong (*Lansium domesticum* Jack)**

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
88	DO2	Dokong Kering
89	-	Dokong Biji

**1.23 Jenis Tanaman : Duku (*Lansium domesticum* Jack)**

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
90	DL2	Duku Langsung Koris
91	DL2	Duku Langsung Terengganu

**1.24 Jenis Tanaman : Limau Mandarin (*citrus reticulata*)**

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
92	M33	Limau Madu
93	-	Limau Langkat

### 1.25 Jenis Tanaman : Kopi (*coffea* spp.)

<b>Bil</b>	<b>No.</b>	<b>Nama Varieti</b>
	<b>Pendaftaran</b>	
	<b>Varieti</b>	
94	-	MKL 2
95	-	MKL 3
96	-	MKL 4
97	-	MKL 5
98	-	MKL 6
99	-	MKL 7
100	-	Arabica
101	-	Robusta



## **JAWATANKUASA TEKNIKAL PENGESAHAN BAHAN TANAMAN**

Perkara-perkara berkenaan Skim Pengesahan Bahan Tanaman terlebih dahulu akan dibawa kepada Jawatankuasa Teknikal Pengesahan Bahan Tanaman untuk penelitian dan penilaian. Ahli Jawatankuasa Teknikal dilantik oleh Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia sebagai badan menyelaras, mengawal, memperakukan pelaksanaan SPBT sebagaimana dinyatakan di bawah:

### **I. SKOP TUGAS**

1. Melulus permohonan pendaftaran Peserta Skim baharu dan memperakukan daftar Peserta Skim dari semasa ke semasa.
2. Memperakukan Laporan Perakuan Pemeriksaan dan pengesyoran yang disediakan oleh pegawai pemeriksa terhadap Pokok Induk dan Bahan Tanaman.
3. Menilai dan meluluskan garis panduan teknikal Pokok Induk dan Bahan Tanaman yang disediakan oleh kumpulan pakar.
4. Menilai dan memperakukan penyediaan prosedur operasi standard pengeluaran Bahan Tanaman.
5. Menasihati dan menyelesaikan sebarang pertikaian teknikal berkaitan pengesahan Bahan Tanaman

### **III. KEKERAPAN MESYUARAT**

Minimum 4 kali setahun

### **IV. TEMPOH LANTIKAN**

Pelantikan ahli adalah untuk tempoh dua (2) tahun. Selepas tempoh ini, pelantikan semula akan dilakukan.

## **TERMA RUJUKAN PEGAWAI PEMERIKSA SPBT**

Pegawai Pemeriksa di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman adalah pegawai Jabatan Pertanian dan agensi – agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang dilantik oleh Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia untuk menjalankan pemeriksaan kualiti dan ketulenan varieti Pokok Induk dan Bahan Tanaman.

### **I. KRITERIA LANTIKAN**

Pelantikan seorang Pegawai Pemeriksa adalah berdasarkan ke atas kompetensi individu. Pegawai Pemeriksa dicalonkan berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

- i) Berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun di Jabatan/Agensi.
- ii) Memiliki kepakaran dalam bidang tanaman yang tertentu.
- iii) Berpengetahuan dalam bidang pengeluaran dan pengesahan Bahan Tanaman, pencirian tanaman, agronomi, taksonomi, morfologi, fisiologi, botani, statistik dan lain-lain yang berkaitan.
- iv) Telah menghadiri kursus dan latihan di bawah Skim Pengesahan Bahan Tanaman anjuran Urus Setia.
- v) Telah melaksanakan sekurang-kurangnya 5 latihan *hands on* bersama Pegawai Pemeriksa DOA (bagi agensi di bawah MOA).
- vi) Lulus peperiksaan yang dikendalikan Urus Setia (bagi agensi di bawah MOA).

### **II. SKOP TUGAS**

Terma-terma yang telah ditetapkan untuk Pegawai Pemeriksa adalah seperti berikut:

- i) Menerima tugas daripada Urus Setia untuk menjalankan pemeriksaan kualiti dan ketulenan varieti Pokok Induk dan Bahan Tanaman.
- ii) Menjalankan ujian ketulenan varieti (*grow-out test*)
- iii) Mengikuti kursus dan latihan *hands on* anjuran Urus Setia.